

25 OCT 1999

Sekolah-Mulia (Fokus Berita)

SEKOLAH - TUNJANG KECEMERLANGAN BANGSA

Oleh: Shahrin Sahad

KUALA TERENGGANU, 25 Okt (Bernama) -- "Sekolah itu mulia" merupakan slogan yang bertujuan menjadikan institusi sekolah sebagai tunjang kepada pembentukan keperibadian dan kecemerlangan warganya.

Warga di dalam persekitaran sekolah perlu mempunyai sikap dan tanggungjawab yang mulia sejajar dengan slogan itu supaya generasi yang bakal lahir dari sistem pendidikan turut sama mempunyai sikap tanggungjawab, berdisiplin, amanah dan mulia.

Ibu bapa menyerahkan tugas mendidik anak-anak sepenuhnya kepada sekolah dan adalah menjadi tanggungjawab guru untuk menunaikan amanah mereka.

Bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini golongan pendidik itu seperti hilang arah terutama berhubung pendirian mereka terhadap isu-isu politik semasa, yang mengakibatkan golongan pelajar dibawa sama dalam menentukan arah tujuan pendidik berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semasa merasmikan Sekolah Menengah Kebangsaan Penarik baru-baru ini, menyelar sikap segelintir guru yang membawa fahaman politik mereka ke sekolah.

"Biarlah anak-anak ini menuntut ilmu terlebih dahulu dan membesar dengan sempurna...apabila sudah besar dan pandai, terserahlah kepadanya untuk menyokong siapa sahaja dan bukannya dengan mempengaruhi mereka di bangku sekolah lagi untuk membenci kerajaan," katanya.

Pembabitan guru dalam politik ternyata seperti yang didakwa Abdullah ternyata benar apabila minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula mendedahkan ada guru di Kedah yang sengaja menyediakan soalan peperiksaan berunsur politik dengan memburuk-burukkan pemimpin kerajaan.

Dr Mahathir, yang kesal dengan perbuatan guru terbabit, meminta guru dan kakitangan kerajaan menghentikan perbuatan seumpama itu kerana mereka terikat dengan peraturan yang melarang perbuatan mencampuradukkan politik dengan tugas.

Sehari selepas itu, Pejabat Perdana Menteri mengedarkan salinan kertas soalan matematik Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi, Pokok Sena, Kedah kepada media untuk membuktikan penyelewengan amanah yang dilakukan oleh guru berkenaan bagi mempengaruhi pelajar membenci pemimpin kerajaan.

Daripada 24 soalan bahagian A dalam kertas itu, empat daripadanya dengan jelas menggunakan nama-nama beberapa pemimpin negara yang diubahsuai untuk merujuk kepada pemimpin berkenaan.

Antara nama yang digunakan dalam kertas peperiksaan itu ialah 'Det', 'Daem', 'Mirzan', 'Zani', 'Umihalf', 'Rafida', 'Patail', 'Eric', 'Chia' dan 'Tingpeking'. Soalan itu juga menyebut mengenai 'mahligai' dan 'khadam' yang merujuk kepada pembinaan kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya yang disebutkan pembangkang sebagai 'Mahligai PM'.

Perbuatan itu bukan sahaja menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab guru terbabit tetapi merosakkan profesion perguruan di negara ini secara keseluruhannya seterusnya imej sekolah yang ingin dijadikan sebagai satu tempat untuk menimba ilmu.

"Iklim persekolahan janganlah dicatatkan dengan suasana yang tidak sihat dan mengheret pelajar dengan aktiviti berpolitik...guru yang terbabit perlu sedar mereka telah melanggar amanah mulia yang diletakkan oleh masyarakat," kata seorang pendidik, yang enggan dinamakan.

Pendidik itu mengakui terdapat segelintir guru yang menyokong parti pembangkang tetapi mereka tidak perlu menunjukkan sokongan mereka di sekolah.

Beliau berkata guru-guru perlu meneliti semula ikrar mereka semasa mula memegang jawatan itu dengan mematuhi setiap peraturan yang telah ditetapkan.

Setiap kakitangan kerajaan terikat dengan Peraturan Pegawai Awam (Peraturan dan Tatatertib) 1995 iaitu kakitangan kerajaan boleh dikenakan amaran, denda, tangguh kenaikan gaji, turun gaji, sekat kenaikan pangkat dan buang negeri jika melakukan kesalahan.

Pengarah Pendidikan Terengganu Datuk Muhamad Mustafa menasihatkan semua pengetua sekolah supaya mengawasi setiap pergerakan guru masing-masing di waktu persekolahan agar tidak timbul sesuatu yang boleh menjejaskan institusi pendidikan.

"Dalam keadaan sekarang dengan pelbagai peristiwa yang mencabar institusi pendidikan, adalah penting kawalan dilakukan oleh pengetua supaya tidak timbul sesuatu perkara yang boleh menjejaskan keseluruhan warga sekolah," katanya pada perjumpaan mesra dengan pengetua di negeri ini.

Muhamad berkata kredibiliti guru perlu dipertingkatkan untuk memberikan keyakinan semula kepada orang ramai mengenai status sekolah sebagai tempat menuntut dan menyebarkan ilmu pengetahuan.

Tanpa kerjasama daripada pengetua, guru-guru dan ibu bapa untuk melaporkan sebarang kegiatan guru-guru yang menghasut pelajar di sekolah, kerajaan tidak boleh mengambil sebarang tindakan, katanya.

"Oleh itu, kesemua warga di sekolah itu bertanggungjawab untuk memastikan persekitaran yang sihat dan melaporkan jika terdapat guru-guru yang terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat kepada Jabatan Pendidikan," katanya.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad pula berkata tindakan tegas perlu diambil kepada guru-guru yang mengkhianat dan menyeleweng daripada tugas mereka untuk dijadikan iktibar kepada guru-guru lain.

"Dalam menuntut ilmu, guru dan murid mesti ikhlas supaya ilmu yang diperolehi itu membawa keberkatan untuk dunia dan akhirat...tetapi jika menyeleweng daripada tujuan menuntut ilmu, ia akan membawa mudarat kepada mereka," katanya.

Beliau berkata bidang perguruan adalah satu bidang yang terpuji kerana ia bersesuaian dengan konsep menyampaikan iaitu mengajar orang yang tidak tahu kepada mempunyai pengetahuan dan cemerlang dalam hidup.

"Tetapi jika mendidik minda generasi muda dengan perbuatan yang tidak baik, guru tidak akan merasa aman sekiranya anak muridnya melakukan perkara-perkara yang melanggar peraturan hidup terutama yang bercanggah dengan Islam," katanya.

Wan Mokhtar berkata jika dilihat pada zaman dahulu, golongan pendidik diberi tempat yang tinggi dalam masyarakat kerana ilmu dan kebijaksanaannya dan pengiktirafan seperti itu tidak harus dikorbankan kini dengan melakukan perkara yang boleh merosakkan agama, bangsa dan negara.

Beliau berkata sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini, para guru perlu turut sama berganding bahu untuk melahirkan golongan yang berilmu.

Sebagai cabaran di alaf baru dengan zaman sains dan teknologi itu, guru-guru perlu turut sama mendalami ilmu pengetahuan di dalam bidang berkenaan bagi membolehkan mereka terus dihormati oleh golongan pelajar.

"Bukan masa bagi guru-guru menghasut pelajar membenci kerajaan kerana pelajar-pelajar sekarang lebih matang dan terdedah kepada suasana yang semakin maju. Jika golongan guru masih berada di tahap lama, mereka akan ketinggalan," katanya.

Wan Mokhtar berkata guru-guru hendaklah menumpukan perhatian mereka kepada melahirkan generasi berilmu, berkeyakinan, bertrampilan dan cemerlang, dan jika pelajar itu berjaya mereka tidak akan melupakan jasa guru yang mendidiknya menjadi manusia berguna.

"Tetapi, jika pelajar itu tidak berjaya...orang yang akan dipersalahkan oleh pelajar itu adalah gurunya kerana gagal mendidiknya menjadi insan yang berguna," katanya.

-- BERBAMA

SBS NAK